



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

LAPORAN TAHUNAN 2019

spaj.johor.gov.my






SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

LAPORAN TAHUNAN 2019

spaj.johor.gov.my



SIDANG REDAKSI

Penaung

Dato' Haji Marsan bin Kassim

Penasihat

Haji Mohd Nazid bin Jasiman

Ketua Sidang Redaksi

Datin Hajah Kasmah binti Kasno

Sidang Redaksi

Mohamed Faizal bin Abdul Ansar

Norhafizah binti Osman

Md Fadil bin Misran

Zaharah binti Othman

Farah Aqilah binti Mohd Fauzy

Jurufoto

Abdul Rahman bin Hashim

Kerjasama

Ahli-Ahli Suruhanjaya

Penghargaan

Bahagian Pengambilan, Perkhidmatan dan Pentadbiran

Bahagian Pengurusan Maklumat



KANDUNGAN


Visi dan Misi	4
Perutusan Pengerusi	5
Kata Aluan Setiausaha	7
Ringkasan Eksekutif	9
Latar Belakang SPAJ	13
Ahli-Ahli Suruhanjaya	15
Urus Setia Suruhanjaya	17
Pusat Temu Duga	23
Kaedah Pengambilan	27
Urusan Pelantikan	31
Urusan Perkhidmatan	35
Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib	47
Mesyuarat Suruhanjaya	51
Laporan Perbelanjaan	53
Pengurusan Maklumat	57
Aktiviti Suruhanjaya	65
Penghargaan	85

VISI

Menjadi agensi berwibawa dalam urusan pelantikan dan pengurusan perkhidmatan penjawat awam negeri Johor.

MISI

Melantik anggota perkhidmatan awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan terbaik bagi memenuhi keperluan negeri Johor.





PERUTUSAN PENGGERUSI .

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



" Suruhanjaya sentiasa komited dan menanam iltizam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti yang mempunyai nilai produktiviti yang tinggi "

Perutusan Pengerusi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Salam Muafakat Johor.

Saya merafakkan kesyukuran ke- Hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya maka Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) bagi tahun 2019 telah berjaya disediakan bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959. Laporan Tahunan 2019 ini disediakan bagi tujuan membentangkan segala aktiviti dan pencapaian yang telah diperolehi di sepanjang tahun 2019 berdasarkan fungsi Suruhanjaya ini iaitu melantik, mengesahkan jawatan, memasukan dalam jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan awam negeri Johor.


Sebagai agensi yang berperanan menjadi pintu gerbang perkhidmatan awam Johor, Suruhanjaya sentiasa komited dan menanam iltizam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti yang mempunyai nilai produktiviti yang tinggi. Berbekalkan semangat dan iltizam tersebut, Suruhanjaya telah mengorak langkah dengan membuat penambahbaikan dasar dan prosedur pelantikan dan perkhidmatan serta lebih peka dengan kehendak dan perubahan semasa ke arah perkhidmatan awam negeri yang kompeten dan berintegriti.

Bagi memastikan proses pengambilan dan pelantikan penjawat awam dilaksanakan dengan lebih cekap SPAJ sedang berusaha ke arah membangunkan sistem ICT seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Selain urusan pengambilan dan pelantikan penjawat awam, SPAJ juga berjaya melaksanakan fungsinya dalam urusan perkhidmatan seperti mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, pertukaran perkhidmatan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu SPAJ menjayakan fungsi yang diamanahkan kepadanya. Semoga segala usaha yang kita lakukan diberkati oleh Allah S.W.T jua.

Salam hormat dan maju jaya.

DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



KATA ALUAN SETIAUSAHA .

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



" Saya berharap inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini dapat menambahbaik kualiti perkhidmatan dan penyampaian Suruhanjaya ini selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri "

Kata Auan Setiausaha

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertamanya saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya jua dapatlah saya menyampaikan sepatah dua kata di dalam Laporan Tahunan 2019 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Penerbitan laporan ini adalah selaras dengan Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959.

Pada tahun 2019, Suruhanjaya ini telah menerima sebanyak 35,922 permohonan melalui sistem JohorCareer dengan 3,997 orang calon telah dipanggil temu duga dan sebanyak 402 orang calon berjaya telah dilantik dalam pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Dengan trend peningkatan bilangan permohonan, Suruhanjaya ini sedang membangunkan sistem permohonan pekerjaan perkhidmatan awam negeri bagi menggantikan sistem sedia ada untuk meningkatkan kecekapan pengurusan, proses tapisan dan penyampaian maklumat selaras dengan revolusi industri 4.0 (IR 4.0).


Bagi urusan perkhidmatan, Suruhanjaya ini sedang mengemaskini Prosedur Operasi Standard (SOP) dan *ruling* yang berkaitan bagi menyeragamkan proses dan pertimbangan Suruhanjaya ke atas semua urusan perkhidmatan awam negeri.

Selain itu, Suruhanjaya juga telah memberi kebenaran kepada semua Jabatan Negeri untuk melaksanakan urusan pengambilan bagi pelantikan secara kontrak perkhidmatan (contract of service) sebelum diangkat untuk pertimbangan Suruhanjaya berkuatkuasa 20 November 2019 sebagaimana Garis Panduan yang telah diedarkan oleh Suruhanjaya ini. Inisiatif ini bertujuan untuk mempercepatkan urusan pelantikan secara kontrak perkhidmatan. Saya berharap inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini dapat menambahbaik kualiti perkhidmatan dan penyampaian Suruhanjaya ini selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri.

Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk mentadbir Suruhanjaya ini dan jutaan penghargaan juga diucapkan kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya yang telah melaksanakan fungsi Suruhanjaya dengan sangat berkesan. Akhirnya saya merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada seluruh warga Suruhanjaya yang telah memberikan komitmen tinggi dalam memastikan visi dan misi Suruhanjaya dapat dizahirkan.

Sekian, Wabillahaufik Walhidayah, Wassalammu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

HAJI MOHD NAZID BIN JASIMAN
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



RINGKASAN EKSEKUTIF

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya dan menghantarkannya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan salinannya dibentangkan di dalam Dewan Negeri.


Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April, 1959. Suruhanjaya sebagai sebuah badan yang di pertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota di dalam perkhidmatan awam Johor selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

Dalam melaksanakan semua fungsi Suruhanjaya, Seksyen 4 (2), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada empat orang ahli. Ahli Suruhanjaya dibantu oleh urus setia yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Bagi tahun 2019 di bawah kepala Tanggungan T.02, Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM616,000.00 termasuk tambahan peruntukan. Perbelanjaan tersebut adalah untuk perbelanjaan Bekalan dan Perkhidmatan. Sehingga 31 Disember 2019 jumlah perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM496,565.08.

Dibawah maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM1,617,000.00. Daripada jumlah tersebut, peruntukan emolumen adalah sebanyak RM889,000.00. Bekalan, perkhidmatan, aset, pemberian & kenaan tetap sebanyak RM727,100.00. Perbelanjaan sebenar sehingga 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM 1,245,822.61.


Sepanjang tahun 2019, Suruhanjaya telah menjalankan urusan kerja dan tindakan-tindakan yang dilakukan selaras dengan bidang kuasa dan tugas yang dijalankan oleh SPAJ. Urusan-urusan ini termasuk Urusan Pengambilan, Urusan Perkhidmatan, Urusan Kenaikan Pangkat, Urusan Tatatertib dan Mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya.





Urusan kerja dan tindakan-tindakan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH
1	Permohonan Permohonan diterima	35,922
2	Pengambilan Urusan Pengambilan	12
3	Pelantikan Pelantikan Tetap	402
4	Urusan Perkhidmatan Pengesahan Lantikan Pengesahan Dalam Perkhidmatan Pelanjutan Tempoh Percubaan Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) Pemberian Taraf Berpencen Penentuan Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan	189 407 16 2 221 31 4
5	Urusan Kenaikan Pangkat Kenaikan Pangkat Rayuan Kenaikan Pangkat	- -
6	Urusan Tatatertib Tindakan Tatatertib Rayuan Tatatertib	- 8
7	Mesyuarat Suruhanjaya Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Mesyuarat Rayuan Kenaikan Pangkat	14 5 -





LATAR BELAKANG

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

LATAR BELAKANG

PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April, 1959.

OBJEKTIF DAN TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri, Suruhanjaya adalah bertanggungjawab bagi:


- Melantik
- Mengesahkan
- Memasukkan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen
- Menaikkan Pangkat
- Menukar
- Menjalankan Kawalan Tatatertib ke atas pegawai yang berada di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya.

BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

PENARIKAN BALIK PERWAKILAN KUASA DI BAWAH PEKELILING TETAP KERAJAAN JOHOR BILANGAN 96 BERTARIKH 10 FEBRUARI 1964

Suruhanjaya telah menarik semula kuasa yang diwakilkan kepada jabatan sebagaimana dalam surat perwakilan kuasa tahun 1964. Semua urusan pelantikan dan perkhidmatan bagi jawatan Gred 16 dan ke bawah dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepenuhnya.



AHLI-AHLI SURUHANJAYA .

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

AHLI-AHLI SURUHANJAYA

PENGENALAN

Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di bawah Seksyen 4 (2) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959. Ahli Suruhanjaya yang sedang berkhidmat adalah sebagaimana berikut:

PENGERUSI



YB Dato' Haji Marsan bin Kassim

AHLI-AHLI SURUHANJAYA



YB Dato' Haji Abd.
Razak bin Hassan




Tuan Haji Norizan
bin Kulob



Tuan Haji Muji
bin Salimon



Tuan Haji Ramly
bin Jusoh



URUS SETIA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

URUS SETIA

PENGENALAN

Urus setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dengan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir N29 serta 13 orang pegawai sokongan pelbagai jawatan dan gred. Pejabat urus setia Suruhanjaya terletak di Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

PEGAWAI DAN KAKITANGAN URUS SETIA SPAJ

SETIAUSAHA

- Encik Sufian bin Suleiman
- Haji Mohd Nazid bin Jasiman mulai 11.09.2019

PENOLONG PEGAWAI TADBIR

- YDH Datin Hajah Kasmah binti Kasno

PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Encik Mohamed Faizal bin Abdul Ansar

SETIAUSAHA PEJABAT

- Puan Norhafizah binti Osman

PEMBANTU TADBIR GRED N26

- Encik Md Fadil bin Misran mulai 1.7.2019

PEMBANTU TADBIR GRED N22

- Puan Hajah 'Aini binti Khairan
- Puan Syuhaiza binti Abdul Shukor
(mulai 22.12.2019)

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)

- Cik Farah Aqilah binti Mohd Fauzy

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

- Puan Faiza binti Saman
- Puan Zaharah binti Othman
- Encik Abdul Rahman bin Hashim
- Puan Noratikah binti Zainuddin
- Encik Mohd Firdaus bin Mustaffa

PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN

- Puan Nur Afifah binti Md Salleh

PEMBANTU OPERASI

PEMANDU KENDERAAN

- Encik Mohd Fadzlin bin Zakaria
- Encik Mohd Parhan bin Jamal



Dari Kiri Duduk Hadapan:

Encik Md. Fadil bin Misran, Encik Mohamed Faizal bin Abdul Ansar, Tuan Haji Mohd. Nazid bin Jasiman, YDH Datin Hajah Kasmah binti Kasno, Puan Norhafizah binti Osman dan Puan Syuhaiza binti Abdul Shukor.


Barisan Kedua Berdiri Dari Kiri:

Cik Nurain Najwa binti Hirman, Cik Nur Faizah binti Abd. Mutalib, Puan Nur Afifah binti Md Salleh, Puan Faiza binti Saman, Cik Ili Syazwani binti Mohd Said, Cik Farah Aqilah binti Mohd Fauzy, Puan Durra Yasmin binti Mohamad, Puan Noratikah binti Zainuddin dan Puan Zaharah binti Othman.

Barisan Ketiga Berdiri Dari Kiri:

Encik Muhamad Faez bin Ahmad, Encik Muhammad Afiq bin Jaáfar, Encik Nur Arif bin Ahmad, Encik Mohd Fadzlin bin Zakaria dan Encik Abdul Rahman bin Hashim.

CARTA ORGANISASI URUS SETIA



FUNGSI BAHAGIAN

BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran dan Kewangan

- Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran am yang berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan, perjawatan kakitangan dan menguruskan belanjawan, kewangan am, pelupusan inventori dan harta modal jabatan.

Unit Pengambilan dan Perkhidmatan

- Melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 11 hingga 40 ke dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.
- Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi:
 1. Pengesahan Pelantikan
 2. Pengesahan Dalam Perkhidmatan
 3. Pelanjutan Tempoh Percubaan
 4. Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda
 5. Pemberian Taraf Berpencen
 6. Penetapan Gaji Permulaan
 7. Pertukaran Perkhidmatan
 8. Penamatan Perkhidmatan
- Melaksanakan urusan Rayuan Kenaikan Pangkat dan Rayuan Tatatertib bagi semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor.
- Menguruskan Kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri Johor.
- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

- Bertanggungjawab dalam membangun dan menyelenggara sistem perkomputeran yang meliputi aplikasi, infrastruktur rangkaian, peralatan dan perisian komputer.
- Membuat penyelenggaraan ke atas komputer yang telah dibekalkan serta memastikan peralatan ICT tersebut dalam keadaan yang baik.
- Mentadbir dan mengurus rangkaian dan keselamatan ICT.





PUSAT TEMU DUGA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

PUSAT TEMU DUGA

Bagi melancarkan urusan temu duga dan keselesaan kepada calon, maka SPAJ menjalankan aktiviti temu duga bukan sahaja di ibu pejabat yang terletak di Kota Iskandar, Johor Bahru tetapi juga di daerah-daerah di negeri Johor. Pusat-pusat temu duga tersebut adalah seperti berikut:



PUSAT TEMU DUGA KOTA ISKANDAR

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri



PUSAT TEMU DUGA DAERAH MUAR

PEJABAT DAERAH MUAR
PEJABAT TANAH MUAR
Jalan Peteri, Taman Sri Tanjung, 84000 Muar, Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH BATU PAHAT

PEJABAT DAERAH BATU PAHAT
PEJABAT TANAH BATU PAHAT
Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail,
Jalan Bakau Chondong, 83000 Batu Pahat, Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH KLUANG

PEJABAT TANAH KLUANG
Pentadbiran Tanah, Pejabat Tanah Kluang,
86000 Kluang, Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH SEGAMAT

MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
1, Jalan Abdullah, Kampung Gubah,
85000 Segamat, Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH KOTA TINGGI

PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI
Aras 2, Bangunan Sultan Iskandar
81900 Kota Tinggi, Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH PONTIAN

PEJABAT TANAH PONTIAN
Aras Bawah, Bangunan Sultan Ismail
82000 Pontian, Johor




PUSAT TEMU DUGA DAERAH KULAI

PEJABAT DAERAH KULAI
Tingkat 2, Jalan Pejabat Kerajaan
81000 Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH MERSING

PEJABAT DAERAH MERSING
Aras 1&2, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan,
Jalan Ibrahim, 86800 Mersing, Johor





KAEDAH PENGAMBILAN.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

KAEDAH PENGAMBILAN

URUSAN PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan di dalam sistem *JohorCareer*. Bagi tahun 2019 Suruhanjaya telah membuat dua (2) pengiklanan bagi enam (6) Skim Perkhidmatan dengan kekosongan sebanyak 402 jawatan.

TAPISAN CALON

Kaedah pengambilan yang biasa dilakukan oleh SPAJ adalah calon perlu melalui dua proses saringan sebelum di tawar lantikan iaitu tapisan awal dan temu duga. Walau bagaimanapun bagi beberapa jawatan tertentu proses saringan melibatkan empat proses iaitu:

1. TAPISAN AWAL

Calon-calun yang memohon dan mendaftar secara *online* dengan SPAJ bagi jawatan berkenaan akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat / Skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang dipohon.

a. Peperiksaan

Peperiksaan *online* bagi jawatan-jawatan tertentu telah diadakan mulai tahun 2015 dengan kerjasama daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Masa dan tarikh yang ditetapkan akan dimaklumkan kepada calon mengikut kesesuaian bagi menduduki peperiksaan tersebut. Komponen penilaian dalam peperiksaan ini termasuk pengetahuan dari segi kenegaraan, pengetahuan am, pengurusan organisasi, pengetahuan mengenai bidang kerja, budaya dan ekonomi negeri dan kebolehan berfikir.



b. Penilaian Kompetensi

i. Penilaian Khas Kemasukan Pegawai Tadbir Gred N41


Bagi jawatan-jawatan tertentu seperti jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, calon-calon yang melepasi tapisan peperiksaan akan melalui sesi penilaian khas. Pada sesi ini, calon akan dinilai dari segi kompetensi yang melibatkan sikap produktif, kreatif, inovatif, pemudahcara, integriti dan tindak balas yang cepat dan ada ciri berfikir dan bertindak dalam menghasilkan kerja yang teratur, betul dan sempurna. Sesi ini juga melibatkan penilaian dari segi kecergasan, pengucapan awam dan latihan dalam kumpulan bagi jawatan tersebut.


ii. Ujian Pemanduan

SPAJ menjalankan Ujian Teori dan Amali bagi calon-calon yang memohon jawatan Pemandu Kenderaan Gred H11 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Ujian terbahagi kepada dua bahagian iaitu Ujian Teori dan Amali. Ujian teori mengandungi soalan objektif manakala ujian amali merupakan ujian pemanduan berhemah yang menekankan sebelum, semasa dan selepas kenderaan bergerak. Ujian amali mengandungi dua bahagian iaitu Rutin Pemeriksaan Kenderaan (RPK) dan Ujian Jalan Raya.

TEMU DUGA

SPAJ menjalankan temu duga dengan tujuan dapat bersemuka dan menilai calon-calon berdasarkan kompetensi dan kebolehan bagi memastikan calon yang dipilih memang yang terbaik dan tepat untuk menyandang jawatan sebagai penjawat awam. Buat masa ini kaedah penilaian akan dinilai mengikut tingkah laku, cara berfikir dan kebolehan serta keupayaan calon untuk menjawab dan menilai sesuatu isu atau fakta yang dikemukakan.





URUSAN PELANTIKAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

URUSAN PELANTIKAN

PENGENALAN

Pelantikan anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor merupakan salah satu daripada beberapa fungsi Suruhanjaya. Suruhanjaya melaksanakan urusan pelantikan melalui pengiklanan perjawatan di akhbar dan dalam sistem JohorCareer. Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan berdasarkan permohonan pengisian jawatan yang diterima daripada jabatan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Pada tahun 2019, jumlah permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya adalah sebanyak 35,922 melibatkan 12 skim perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut seramai 3,997 calon berjaya melepasi tapisan untuk dipanggil temu duga. Seramai 2,882 calon telah menghadiri temu duga dan sebanyak 402 orang telah berjaya dilantik ke jawatan tetap. Butiran menunjukkan jumlah permohonan, calon dipanggil temu duga, calon hadir temu duga dan jumlah pelantikan tetap bagi tahun 2019 adalah sebagaimana di Jadual 1.

JADUAL 1

BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA, CALON PELANTIKAN TETAP BAGI TAHUN 2019

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	BILANGAN CALON DI PANGGIL TEMU DUGA		BILANGAN CALON HADIR TEMU DUGA	JUMLAH CALON BERJAYA	
2019	35,922	3,997		2,882	402	
		L	P		L	P
		1,565	2,432		160	242



PECAHAN PELANTIKAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN

Pecahan mengikut kumpulan perkhidmatan bagi pelantikan tetap ke perkhidmatan kerajaan pada tahun 2019 melibatkan satu (1) calon bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala seramai 89 adalah daripada Kumpulan Pelaksana Gred 29-40 dan seramai 312 adalah dari Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah.

Maklumat bilangan pelantikan tetap mengikut kumpulan perkhidmatan bagi tahun 2019 adalah sebagaimana Jadual 2.

JADUAL 2

BILANGAN PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2019


KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN PELANTIKAN
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	1
Kumpulan Pelaksana Gred 29-40	89
Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah	312
JUMLAH	402

Jumlah pemohon yang dipanggil temu duga dan jumlah pelantikan mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2019 adalah sebagaimana di Jadual 3.

JADUAL 3

BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA, CALON PELANTIKAN TETAP MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2019

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH PEMOHON	BIL. CALON MELEPASI TAPISAN DAN DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BIL. PELANTIKAN
1	Penolong Jurutera (Mekanikal)	JA29	2,160	144	115	10
2	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	4,303	566	449	55
3	Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA29	2,963	75	49	10
4	Penolong Juruukur Bahan	JA29	2,004	76	59	16
5	Penolong Pegawai Tanah	NT29	2,994	89	64	12
6	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	2,553	84	76	14
7	Akauntan	WA41	2,000	120	100	1
8	Penolong Pegawai Kurator	S29	2,980	77	49	1
9	Penghulu	NP29	1,856	270	188	14
10	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N19	7,156	2,134	1,540	230
11	Penolong Pegawai Veterinar	G29	2,059	34	28	12
12	Pembantu Veterinar	G19	2,894	328	165	27
	JUMLAH		35,922	3,997	2,882	402



URUSAN PERKHIDMATAN.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

URUSAN PERKHIDMATAN

PENGENALAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai perkhidmatan awam negeri Johor di bawah bidang kuasa seperti berikut:

- Pengesahan Pelantikan
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- Pelanjutan Tempoh Percubaan
- Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM)
- Pemberian Taraf Berpencen
- Penetapan Gaji Permulaan
- Pertukaran Pelantikan
- Penamatan Perkhidmatan

Bagi tahun 2019 sebanyak 674 urusan perkhidmatan telah dilaksanakan.

PENGESAHAN PELANTIKAN

Pengesahan pelantikan merupakan proses mengesahkan lantikan seorang pegawai yang telah bersetuju menerima tawaran pelantikan ke jawatan tetap dan telah memenuhi syarat tawaran.

Suruhanjaya telah mengesahkan pelantikan seramai 189 orang anggota perkhidmatan awam negeri Johor pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut 74 pengesahan adalah untuk pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 61 pegawai Kumpulan Pelaksana Gred 29-40 dan 54 pegawai Gred 19 ke bawah. Maklumat pengesahan pelantikan tahun 2019 adalah seperti di Jadual 4.



JADUAL 4

PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2019

BIL.	KUMPULAN PERKHIDMATAN	2019
1.	Pengurusan dan Profesional	74
2.	Pelaksana Gred 29-40	61
3.	Pelaksana Gred 19 ke bawah	54
	JUMLAH	189

Butiran terperinci Pengesahan Pelantikan tahun 2019 mengikut Skim Perkhidmatan adalah sebagaimana Jadual 5.

JADUAL 5

PENGESAHAN PELANTIKAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2019

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1.	Pegawai Tadbir	N41	70
2.	Pegawai Syariah	LS41	3
3.	Akauntan	WA41	1
4.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	15
5.	Penolong Jurutera (Mekanikal)	JA29	10
6.	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA29	8
7.	Penolong Juruukur Bahan	JA29	14
8.	Penolong Pegawai Tanah	NT29	8
9.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	6
10.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	54
	JUMLAH		189

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Seorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang telah ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan mendapat perakuan sokongan Ketua Jabatan, layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 29(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Suruhanjaya telah meluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan untuk 407 pegawai pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut seramai 21 pegawai adalah dari Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 386 adalah pegawai Kumpulan Pelaksana. Maklumat pada tahun 2019 dan perbandingan dengan tahun 2018 adalah sebagaimana Jadual 6.

JADUAL 6

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2018 - 2019

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	2018	2019
1	Pengurusan dan Profesional	25	21
2	Pelaksana	389	386
	JUMLAH	414	407

Butiran terperinci kelulusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2019 adalah sebagaimana Jadual 7.

JADUAL 7

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN

BIL	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DG41	12
2	PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S41	6
3	PEGAWAI SYARIAH LS41	1
4	PENOLONG JURUTERA JA29	52
5	PENGHULU NP29	11
6	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DG29	68
7	PENOLONG PEGAWAI TANAH NT29	5
8	PENOLONG AKAUNTAN W29	5
9	PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S29	2
10	PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29	6
11	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN G29	35
12	PEMBANTU KEMAHIRAN H22	2
13	PEMBANTU KEMAHIRAN H19	4
14	PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19	2
15	PEMBANTU TADBIR (P/O) N19	13
16	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) W19	11
17	PEMBANTU VETERINAR G19	6
18	PENGHANTAR NOTIS N11	9
19	PEMBANTU OPERASI N11	18
20	PEMBANTU AWAM H11	85
21	PENGAWAL KESELAMATAN KP11	2
22	PEMANDU KENDERAAN H11	50
23	PEMANDU OPERATOR JENTERA PEMUNGGAH H11	2
	JUMLAH	407

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan disebabkan tidak lulus peperiksaan yang disyaratkan, belum menghadiri Kursus Induksi /Program Transformasi Minda atau tidak mendapat perakuan dan sokongan ketua jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaannya. Kelulusan bagi tempoh percubaan ini adalah sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 30 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016. Bagi tahun 2019 seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 11 pegawai Kumpulan Pelaksana telah dilanjutkan tempoh percubaan. Maklumat lanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2019 dan perbandingan dengan tahun 2018 adalah seperti di Jadual 8.

JADUAL 8

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2018 - 2019

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	2018	2019
1	Pengurusan dan Profesional	-	1
2	Pelaksana	11	15
	JUMLAH	11	16

Butiran terperinci kelulusan lanjutan tempoh percubaan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2019 adalah sebagaimana Jadual 9.

JADUAL 9

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN MENGIKUT SKIM TAHUN 2019

BIL	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	Kurator S41	1
2	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29	3
3	Penolong Pegawai Tanah NT29	6
4	Penghulu NP29	1
5	Penolong Pegawai Tadbir N29	1
6	Penolong Akauntan W29	1
7	Pembantu Hal Ehwal Islam S19	2
8	Pembantu Tadbir (P/O) N19	1
	JUMLAH	16

PENGECUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

Pada tahun 2019, Suruhanjaya telah meluluskan 2 permohonan bagi pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) sebagaimana yang disyaratkan untuk Pengesahan Dalam Perkhidmatan kerana pegawai berkenaan telah menghadiri PTM semasa di jawatan sebelum ini. Pengecualian PTM telah diambil alih oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor mulai Februari 2019.

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan membuat opsyen tidak memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah memilih skim pencen mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 38(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Sepanjang tahun 2019, Suruhanjaya telah meluluskan Pemberian Taraf Berpencen kepada 221 pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Pecahan pegawai mengikut kumpulan yang telah diberikan taraf berpencen pada tahun 2019 dan perbandingan dengan tahun 2018 adalah seperti di Jadual 10.

JADUAL 10

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN TAHUN 2018 - 2019

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	2018	2019
1	Pengurusan dan Profesional	2	14
2	Pelaksana	390	207
	JUMLAH	392	221

Jadual 11 menunjukkan kelulusan Pemberian Taraf Berpencen mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2019.

JADUAL 11

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2019

BIL	JAWATAN & GRED	JUMLAH
1	Pegawai Belia Dan Sukan S41	1
2	Pegawai Tadbir N41	13
3	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG29	28
4	Penolong Akauntan W29	8
5	Penolong Pegawai Tadbir N29	1
6	Penolong Pegawai Tanah NT29	7
7	Pembantu Akauntan W19	3
8	Pembantu Juruaudit W19	4
9	Pembantu Setiausaha Pejabat N19	3
10	Pembantu Tadbir (P/O) N19	105
11	Pembantu Belia Dan Sukan S19	1
12	Pembantu Pembangunan Masyarakat S19	2
13	Pegawai Khidmat Pelanggan N19	1
14	Pembantu Makmal C19	1
15	Pembantu Hal Ehwal Islam S19	1
16	Pembantu Syariah LS19	15
17	Juruteknik Komputer FT19	1
18	Pengawal Keselamatan KP11	10
19	Pemandu Kenderaan H11	9
20	Pembantu Awam H11	7
	JUMLAH	221

PENENTUAN GAJI PERMULAAN

Penentuan gaji permulaan seorang pegawai yang baharu dilantik buat kali pertama dalam perkhidmatan awam akan ditentukan gaji permulaan mengikut Jadual Gaji Skim Perkhidmatan yang dilantik seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016. Bagi pegawai yang dilantik buat kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan seperti diperuntukan di bawah Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan telah disahkan jawatannya dan kemudian dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, penentuan gaji permulaan pegawai berkenaan hendaklah pada satu mata gaji yang lebih tinggi seperti diperuntukan di bawah Peraturan 25 (7) dan 25(8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25 (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Bagi bekas tentera yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam yang mempunyai pengalaman yang relevan atau tidak relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang disandang boleh ditimbangkan Hadiah Pergerakan Gaji mengikut formula yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.

Pada tahun 2019, Suruhanjaya telah menerima 31 permohonan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 25 permohonan telah diluluskan manakala 6 permohonan ditolak.

Jumlah yang telah diluluskan bagi Penentuan Gaji Permulaan adalah seramai 25 permohonan. Pecahan kelulusan bagi Penentuan Gaji Permulaan bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah sebagaimana Jadual 12.

JADUAL 12

KELULUSAN PENENTUAN GAJI PERMULAAN TAHUN 2019

BIL	JAWATAN	2018	2019
1.	Pegawai yang dilantik sebagaimana ditetapkan dalam skim perkhidmatan mengikut peraturan 25(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.	-	2
2.	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta dan awam mengikut peraturan 25(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016	-	12
3.	Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut peraturan 25(7) dan 25(8), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.	16	10
4.	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman yang tidak relevan sepenuhnya mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2011, Dasar dan Prosedur Pelantikan Bekas Tentera ke Dalam Perkhidmatan Awam.	-	1
JUMLAH		16	25

PERTUKARAN

Urusan pertukaran yang melibatkan Suruhanjaya adalah termasuk Pertukaran Pelantikan dan Pelantikan Secara Pertukaran Tetap.

PERTUKARAN PELANTIKAN

Pertukaran seorang pegawai dari Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Suruhanjaya telah meluluskan empat (4) permohonan pertukaran pelantikan dari perkhidmatan awam persekutuan ke perkhidmatan awam negeri Johor. Maklumat pertukaran pelantikan adalah seperti di Jadual 13.

JADUAL 13
PERTUKARAN PELANTIKAN

BIL.	PERTUKARAN	JAWATAN	TAHUN 2018	TAHUN 2019
1.	Perkhidmatan Awam Persekutuan Ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41	-	2
2.		Pemandu Kenderaan Gred H11	1	-
3.	Pihak Berkuasa Berkanun / Badan Berkanun Ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	-	1
4.	Perkhidmatan Awam Negeri Pahang Ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	1	-
5.		Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19	-	1

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

Prosedur ini dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2008 (Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap), Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2012 (Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2016 (Panduan Pertukaran Pelantikan) yang diuruskan oleh Suruhanjaya pada masa ini. Pelantikan secara pertukaran tetap ialah kaedah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara secara tetap ke jawatan yang disandang di agensi peminjam.

Suruhanjaya telah meluluskan satu (1) permohonan pertukaran tetap dari perkhidmatan awam persekutuan ke perkhidmatan awam negeri Johor. Maklumat pertukaran pelantikan secara pertukaran tetap adalah seperti di Jadual 14.

JADUAL 14

PERTUKARAN PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

BIL.	PERTUKARAN	JAWATAN	TAHUN 2018	TAHUN 2019
1.	Perkhidmatan Awam Persekutuan Ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44	-	1





KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

PENGENALAN

Seksyen 11(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri memperuntukkan, antara lain fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor adalah untuk menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib terhadap orang-orang yang ada di dalam perkhidmatan kerajaan negeri. Fungsi Suruhanjaya berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib meliputi urusan berikut:

- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.
- Menguruskan rayuan tatatertib.
- Menguruskan kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri.
- Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan berikut:


- Setiausaha Kerajaan Negeri
- Pegawai Kewangan Negeri

Sepanjang tahun 2019, tiada urusan kenaikan pangkat yang diterima oleh Suruhanajaya.

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Sepanjang tahun 2019 tiada rayuan kenaikan pangkat yang diterima oleh Suruhanjaya.





KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang khususnya Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor 1993, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib Negeri Johor. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai pihak berkuasa tatatertib bagi kes-kes tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Sepanjang tahun 2019, tidak ada kes melibatkan tindakan tatatertib yang di pertimbangkan oleh Suruhanjaya.

RAYUAN TATATERTIB

Berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Kumpulan Pelaksana.

Sepanjang tahun 2019 Suruhanjaya telah memutuskan lapan (8) kes rayuan tatatertib berbanding sebelas (11) kes rayuan pada tahun 2018. Maklumat lanjut adalah sebagaimana Jadual 15.

JADUAL 15

RAYUAN TATATERTIB KUMPULAN PELAKSANA TAHUN 2018 - 2019

BIL	JAWATAN	TAHUN 2018	TAHUN 2019
1.	Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib	11	8
2.	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula	-	-
3.	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salahlaku perayu tapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan	-	-
4.	Mengakas keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan Membebaskan Perayu	-	-
JUMLAH		11	8





MESYUARAT SURUHANJAYA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

MESYUARAT SURUHANJAYA

Pada tahun 2019, Suruhanjaya telah mengadakan 14 kali Mesyuarat Suruhanjaya. Sebanyak 184 kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 14 kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat.

Selain itu, selaku Pihak Berkuasa Melantik yang memiliki bidang kuasa menimbang rayuan kenaikan pangkat, tiada permohonan diterima bagi tahun 2019. Suruhanjaya juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang telah bersidang sebanyak lima (5) kali sepanjang tahun 2019 dan telah menimbang sebanyak lapan (8) kertas pertimbangan rayuan tatatertib.

Bilangan mesyuarat yang diadakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH
1.	Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	14
2.	Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	5
	JUMLAH	19



LAPORAN PERBELANJAAN.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

LAPORAN PERBELANJAAN


PERUNTUKAN TANGGUNGAN T.02

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menerima kelulusan peruntukan di bawah maksud Tanggungan T.02 sebanyak RM616,000.00 termasuk tambahan peruntukan bagi menampung perbelanjaan yang melibatkan Ahli-Ahli Suruhanjaya. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak RM285,200.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM329,800.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, dan RM1,000.00 untuk aset. Prestasi keseluruhan T.02 bagi tahun 2019 adalah 80.61% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM496,565.08.

Rumusan peruntukan Tanggungan T.02 bagi tahun 2019 ditunjukkan seperti di Jadual 16 dan Jadual 17:


JADUAL 16

PERUNTUKAN DITERIMA T.02 TAHUN 2019






JADUAL 17

PERBELANJAAN KESELURUHAN T.02 TAHUN 2019



PETUNJUK




PERUNTUKAN BEKALAN B.01

Pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menerima kelulusan peruntukan di bawah maksud Bekalan B.01 sebanyak RM1,617,000.00 pada tahun 2019 untuk perbelanjaan pentadbiran Jabatan dengan peruntukan emolumen anggota adalah sebanyak RM889,000.00, RM 575,600.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, manakala aset sebanyak RM 141,500.00 dan RM 10,000.00 untuk pemberian & kenaikan tetap. Prestasi keseluruhan B.01 bagi tahun 2019 adalah 77.05% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 1,245,822.61





JADUAL 18


PERUNTUKAN DITERIMA B.01 TAHUN 2019



JADUAL 19

PERBELANJAAN KESELURUHAN B.01 TAHUN 2019





PENGURUSAN MAKLUMAT

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

PENGURUSAN MAKLUMAT

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bertanggungjawab memberi dan menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan ICT kepada bahagian / unit di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ).

Di samping menyediakan kemudahan ICT dan membangunkan sistem aplikasi yang cekap dan berkesan, bahagian ini juga bertanggungjawab mempertingkatkan keupayaan dan penggunaan ICT dari masa ke semasa sebagai satu usaha menyokong fungsi suruhanjaya dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya.

OBJEKTIF

“Menjana perkhidmatan yang terbaik dan cekap melalui penggunaan ICT, merancang, membangun dan mengurus infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi suruhanjaya dengan berkesan bagi meningkatkan tahap kecekapan suruhanjaya dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.”

Objektif ini dibentuk selaras dengan fungsi suruhanjaya dan fungsi-fungsi utama bahagian ini yang merangkumi Pengurusan Sistem-sistem Aplikasi, Pengurusan Rangkaian dan Keselamatan dan Pengurusan Peralatan ICT.

FUNGSI

Fungsi-fungsi utama bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Pembangunan Aplikasi & Pangkalan Data

- a) Merancang, membangun dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi, multimedia dan portal suruhanjaya berlandaskan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (MAMPU).
- b) Membangun dan menyelenggara Portal Rasmi Jabatan.
- c) Mewujudkan persekitaran kerja baik dengan pembudayaan ICT.
- d) Mewujudkan dan menyelenggara pangkalan data yang selamat.
- e) Menyediakan khidmat nasihat dalam bidang ICT.

2. Sokongan & Operasi

- a) Menyediakan kemudahan infrastruktur yang boleh dipercayai dan selamat.
- b) Mengurus Penyelenggaraan Komputer (PC), Komputer Riba, Pencetak, Server dan peralatan yang ada hubungan dengannya.
- c) Mengurus LAN dan Internet di jabatan dan meliputi pusat-pusat temu duga di daerah.
- d) Mengurus dan menyelenggara emel Rasmi SPAJ.
- e) Mengurus dan menyelenggara salinan (backup) data harian. Tugas melibatkan sandaran bagi semua komputer pelayan yang terdapat di jabatan.
- f) Memantau dan mengawalselia bilik komputer pelayan (server) dalaman (Intranet System). Tugas melibatkan pemantauan pengoperasian pelayan (server) dan peralatan penghawa dingin.



RUMUSAN AKTIVITI 2019

BULAN	PENCAPAIAN	PENERANGAN
Jan – Dis	Menjalankan operasi portal rasmi suruhanjaya tanpa sebarang gangguan capaian dan perkhidmatan. Pengoperasian 95% dalam setahun dan 5% kerja-kerja penyelenggaraan.	Menerima khidmat nasihat dari Bhg. Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor dalam pengurusan pelayar web dan teknologi.
Jan - Dis	Menjalankan pengoperasian sistem utama suruhanjaya berfungsi tanpa gangguan capaian sistem dan insiden keselamatan ICT. Pengoperasian 80% setahun dan 20% bagi kerja penyelenggaraan sistem dan penambakan sistem keperluan pengguna.	Merujuk kepada tindakan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa. Portal dan Teknikal dan Mesyuarat Suruhanjaya.
19-20 April	Pelan <i>Preventive Maintenance</i> Bil.1 Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan komputer jabatan melibat 32 unit komputer (<i>desktop</i>) dan 18 unit komputer riba. Melibat penyelenggaraan perkakasan dan perisian komputer.	Tujuan dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan komputer dan melancarkan urusan perkhidmatan jabatan. Dua (2) kali setahun.
6 Januari	Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Portal dan Teknikal Bil.1/2019.	Garis Panduan Pengurusan Teknikal dan Teknologi Maklumat 2007.
15-16 November	Pelan <i>Preventive Maintenance</i> Bil.2 Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan komputer jabatan melibat 32 unit komputer (<i>desktop</i>) dan 18 unit komputer riba. Melibat penyelenggaraan perkakasan dan perisian komputer.	Tujuan dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan komputer dan melancarkan urusan perkhidmatan jabatan. Dua (2) kali setahun.
28 Julai	Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Portal dan Teknikal Bil.2/2019.	Garis Panduan Pengurusan Teknikal dan Teknologi Maklumat 2007.
Okt - Disember	Semakan inventori perkakasan komputer iaitu komputer meja dan pencetak dapat dicapai pada kadar 95%.	
Okt - Disember	Melaksanakan kerja-kerja <i>Change Request</i> pada aliran Sistem Penilaian Prestasi Temu duga.	Berdasarkan keperluan pengguna sistem.
Disember	Menyedia dan merancang aktiviti/projek bagi tahun 2020.	

PELAKSANAAN KERAJAAN ELEKTRONIK

BPM-SPAJ terlibat secara umumnya dalam melaksanakan sistem-sistem di bawah projek Kerajaan Elektronik di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor. Infrastruktur dan aplikasi adalah dua perkara yang perlu diambil kira bagi memastikan setiap projek kerajaan elektronik berjaya dilaksanakan. BPM-SPAJ juga berkerjasama dengan pihak yang terlibat sekiranya timbul sebarang masalah di antara pengguna dan sistem tersebut.

Jadual dibawah menunjukkan senarai sistem mengikut tanggungjawab bahagian di suruhanjaya, jabatan / agensi (Owner of the system) dan pembekal (Developer) bagi pelaksanaan sistem-sistem tersebut:

SISTEM	BAHAGIAN	JABATAN / AGENSI	PEMBEKAL
Johorcareer (Sistem Pengurusan Tenaga Kerja)	Pengambilan (PG)	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor	ZNN Technology S/B
Sistem Penilaian Prestasi Temu duga v2 (SPPT)	Pengambilan (PG)	SPAJ	BPM-SPAJ (inhouse)
Sistem Pengambilan dan Perkhidmatan (SPP)	Pengambilan (PG) dan Perkhidmatan (PK)	SPAJ	BPM-SPAJ (inhouse)
Sistem Pengurusan Fail (FMS)	Pentadbiran (KP), Pengambilan (PG) dan Perkhidmatan (PK)	SPAJ	BPM-SPAJ (inhouse)
eTapis	Pengambilan (PG) dan BPM	BPM, SPA Malaysia	
eVetting	Pengambilan (PG) dan Perkhidmatan (PK)	Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) JPM	
Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)	Pentadbiran (KP)	BPA-JPM	
HRMIS	Pentadbiran (KP)	JPA	
iSPEKS	Pentadbiran dan Kewangan	Perbendaharaan Negeri Johor / Jabatan Akauntan Negara	
JohorNet	Bahagian Sains Teknologi dan ICT Johor	Timedotcom S/B	
SPAJNet (Pusat Temu duga luar Ibupejabat)	SPAJ	Celcom Axiata (M) S/B	

Kesemua sistem perlu menggunakan talian internet untuk dicapai melainkan sistem iSPEK yang perlu menggunakan talian JohorNet iaitu *secure line* untuk dicapai.

SISTEM JOHORCAREER – Sistem Pengurusan Tenaga Kerja

Sistem Pengurusan Tenaga Kerja- JohorCareer adalah pengkongsian strategik antara 3 jabatan kerajaan negeri dalam memperkasa pengkongsian maklumat dan kos pembangunan sistem. Antara jabatan terlibat adalah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor dengan mempunyai pencapaian jabatan untuk mendapat maklumat yang tepat berkaitan sumber tenaga kerja dan lain-lain.

Sistem Penilaian Prestasi Temu Duga v2 (SPPT)

Sistem ini diwujudkan bagi mengemaskini maklumat calon temu duga dan membantu panel bagi penilaian prestasi temu duga semasa sesi temu duga dijalankan. Ianya telah dikemaskini pada tahun ini dengan format pemarkahan calon yang baru yang lebih efisien dan mudah kepada panel temu duga.

Sistem Pengurusan Pengambilan & Perkhidmatan (SPP)

Pendaftaran surat-surat masuk dari jabatan-jabatan oleh Setiausaha Pejabat dan penyemakan penerimaan surat di Unit Perkhidmatan. Ia juga membuat semakan status urusan perkhidmatan semasa iaitu urusan Pengesahan Lantikan, Pengesahan Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen dan Pelanjutan Tempoh Percubaan.

eTapis SPA Malaysia

Sistem ini adalah semakan keputusan tapisan keutuhan bagi memastikan setiap calon yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah bersih daripada senarai syarat dalam Akta Akuan Berkanun 1969 (Akta 13). Semakan tapisan keutuhan melalui 6 agensi (SPRM/ JPA/Insolvency/ JPN/ PDRM/ CGSO/AADK) berkaitan Semakan Kewarganegaraan, Bankrup, Rekod Jenayah, Rasuah, Dadah, dan Tatatertib Buang Kerja.

Tapisan Keselamatan (eVetting) CGSO Jabatan Perdana Menteri

SPAJ bertindak sebagai Pengesah Jabatan bagi peringkat jabatan / agensi negeri dalam menguruskan permohonan tapisan keselamatan bagi penjawat awam baru dilantik dalam perkhidmatan awam bagi gred 29 dan gred 41 untuk memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) – BPA Jabatan Perdana Menteri

Sistem Pengurusan Aduan Awam yang lebih baik dan efisien dalam pengurusan aduan secara menyeluruh pada setiap peringkat jabatan negeri dan jabatan persekutuan.

HRMIS – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Status pelaksanaan HRMIS di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) mencapai pencapaian cemerlang bagi modul-modul yang dilaksanakan dengan sasaran 100% bagi pengemaskinian Data Penjawatan dan LNPT.

iSPEKS

Unit Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) melaksanakan urusan kewangan melalui iSPEKS Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Menguruskan pengurusan kewangan jabatan yang diperuntukan bagi sepanjang tahun melibat peruntukan tanggungan T.02 dan peruntukan bekalan B.01.

PORTAL RASMI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR (SPAJ)

Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah dibangunkan pada tahun 2007 dan telah melalui proses tranformasi dari segi teknologi dan antaramuka pengguna (*User Interface*) bagi merealisasikan hasrat suruhanjaya untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Portal yang boleh diakses pada url <http://spaj.johor.gov.my> merupakan pendekatan di mana orang ramai boleh mengakses maklumat, perkhidmatan dan berkongsi pengetahuan dari sumber dalaman dan luaran melalui satu pintu capaian. Bagi memudahkan orang ramai, portal ini disediakan dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Portal ini terbahagi kepada dua (2) jenis portal iaitu Portal Internet untuk capaian orang awam dan Portal Intranet untuk capaian warga suruhanjaya.


PORTAL INTERNET

Portal Internet mengandungi maklumat profil suruhanjaya seperti sejarah, visi, misi, objektif, fungsi, dasar, moto, piagam pelanggan, carta organisasi, peta lokasi dan direktori warga suruhanjaya. Antara perkhidmatan yang terdapat dalam portal ini adalah pengumuman panggilan dan keputusan temu duga, berita, pekeliling perkhidmatan dan akta, iklan jawatan kosong, penerbitan, skim perkhidmatan, galeri multimedia, proses kerja, muat turun borang, buku pelawat dan enjin gelintar (*search engine*). Selain dari itu, terdapat juga perkhidmatan online yang disediakan dalam portal ini iaitu e-Perkhidmatan, e-Skim Perkhidmatan, dan e-Pentadbir Vetting.

Melalui e-perkhidmatan, penjawat awam yang baru dilantik dan dalam tempoh percubaan boleh menyemak status urusan perkhidmatan secara atas talian yang lebih mudah dan cepat tanpa mengira masa dan tempat.

e-Skim Perkhidmatan pula merupakan satu bank data semua senarai skim perkhidmatan dalam bidang kuasa lantikan suruhanjaya. Ianya juga menjadi bahan rujukan bagi syarat kelayakan sesuatu jawatan.

e-Pentadbir Vetting adalah senarai pengesah jabatan bagi tujuan permohonan tapisan keselamatan supaya pemohon boleh terus menyemak nama pengesah permohonan untuk di ajukan kepada pihak CGSO.



PORTAL INTRANET

Portal Intranet adalah dikhaskan kepada warga suruhanjaya dimana pelbagai kemudahan perkhidmatan disediakan dengan menggunakan teknologi Internet. Portal ini merupakan satu laluan masuk untuk mencapai semua sistem aplikasi dengan hanya memasukkan nama pengguna dan kata laluan sekali sahaja (*single sign on*).

Antara aplikasi yang terdapat di portal ini adalah seperti berikut:

Sistem Pengurusan Fail (FMS)

Merupakan satu sistem aliran kerja (*work flow*) memberi fungsi untuk mendaftar fail baru, permohonan pinjaman fail dan pemulangan fail oleh Unit Pentadbiran. Ianya juga membantu dalam pengurusan rekod urusan perkhidmatan oleh Unit Pengambilan dan Perkhidmatan.


Sistem Pengurusan Maklumat (IMS)

Melalui kemudahan sistem ini setiap pengemaskini pengumuman di portal rasmi (Internet) dan Media Sosial dapat diproses mengikut aliran kerja (*work flow*). Pengesahan dapat dibuat sebelum hebahan dipaparkan. Selain itu, sistem ini menyokong dengan pendaftaran inventori peralatan komputer dan pencetak bagi mengenalpasti rekod aset, penempatan, pembekal dan rekod penyelenggara dapat dikesan dengan cepat dan tepat.

Pautan Pantas

Menyediakan pautan pantas kepada url sistem sokongan seperti Sistem eTapis, Log Masuk emel dan lain-lain. Ianya menyediakan pautan carian direktori nombor telefon bagi jabatan-jabatan di Kota Iskandar untuk berhubung dan komunikasi. Selain itu, pada halaman ini disediakan pautan muat-turun borang-borang bagi kegunaan dalaman seperti Borang Gantian Cuti Rehat, Borang Pelepasan, Borang Tuntutan Perjalanan dan lain-lain mengikut pekeliling semasa.

STATISTIK PELAWAT PORTAL RASMI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR (MENGIKUT TUJUAN)




PETUNJUK

- IKLAN JAWATAN KOSONG
- INFOMASI SENARAI PENJAWATAN
- CARIAN ALAMAT
- ENJIN CARIAN

Sumber Maklumat :



STATISTIK FACEBOOK & TWITTER MEDIA PENYIARAN MAKLUMAT




PETUNJUK

■ TWITTER
■ FACEBOOK

Sumber Maklumat :




LAPORAN KEPUTUSAN SEMAKAN ETAPIS ADALAH TAPISAN KEUTUHAN MELALUI 6 AGENSI (SPRM/ JPA/ INSOLVENS/ JPN/ PDRM/ CGSO/AADK) BERKAITAN SEMAKAN KEWARGANEGARAAN, BANKRUP, REKOD JENAYAH, RASUAH, DADAH, TATATERTIB BUANG KERJA BAGI TUJUAN URUSAN PELANTIKAN



PETUNJUK

■ PEMBANTU VETERINAR GRED G19
■ PENOLOG PEGAWAI VETERINAR GRED G29
■ PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19
■ PENGHULU GRED NP29
■ PENOLONG KURATOR GRED S29
■ AKAUNTAN GRED WA41
■ PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT29
■ PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA29
■ PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29
■ PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19
■ PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) GRED JA29
■ PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29



AKTIVITI SURUHANJAYA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN
PEGAWAI TADBIR GRED N41
PADA 13 JANUARI 2019**



**KURSUS JABATAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA (JKKP)
PADA 11 APRIL 2019
DI PEJABAT SURUHANAJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR**



**KURSUS PENGURUSAN REKOD
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
PADA 16-17 APRIL 2019**




**KARNIVAL KERJAYA DI GALERIA KOTA RAYA
JOHOR BAHRU
PADA 20- 21 APRIL 2019**



**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN
PEGAWAI SYARIAH GRED LS41,
PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) GRED JA29,
PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29
DAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19
PADA 15 MEI 2019**



**PENILAIAN KHAS KEMASUKAN JAWATAN
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29
PADA 29 DAN 30 MEI 2019**



**MAJLIS PENYERAHAN
SURAT TAWARAN PELANTIKAN
PENOLONG JURUKUR BAHAN
GRED JA29
DAN
PENOLONG PEGAWAI TANAH
GRED NT29
PADA 07 JULAI 2019**



**PENGHARGAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KEPADA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
PADA 12 SEPTEMBER 2019**



**MAJLIS SERAH TUGAS DAN
ANGKAT SUMPAH SETIAUSAHA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
17 SEPTEMBER 2019**



**SESI PERKONGSIAN STRATEGIK
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR BERSAMA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
28 – 29 OKTOBER 2019**



**SESI PERKONGSIAN STRATEGIK
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR BERSAMA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH
PADA 06 NOVEMBER 2019**



**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN
PEMBANTU TADBIR (PEKERANIAN/ OPERASI) GRED N19
PADA 12 DISEMBER 2019**




PROGRAM MEMBACA 10 MINIT
PADA 23 APRIL 2019



TAKLIMAT WAKAF OLEH MAJLIS
AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
PADA 15 SEPTEMBER 2019



**SAMBUTAN HARI RAYA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
PADA 21 JUN 2019**



**PERLAWANAN BOWLING AHLI-AHLI SPAJ
BERSAMA-SAMA KAKITANGAN SPAJ
DI LITE SUPERBOWLING 2, LISURE MALL
PADA 15 FEBRUARI 2019**



AKTIVITI HICKING DI GUNUNG PULAI
PADA 4 APRIL 2019



**PERTANDINGAN SUKAN DALAMAN
WARGA SPAJ
PADA 24 OKTOBER 2019**




**PERTANDINGAN PERMAINAN
TRADISIONAL WARGA SPAJ
PADA 3 OKTOBER 2019**



**MAJLIS ASPIRASI DAN TAUTAN KASIH
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
AWAM JOHOR
PADA 31 DISEMBER 2019**





PENGHARGAAN .

Suruhanjaya perkhidmatan Awam Johor

PENGHARGAAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta semua pihak atas kerjasama erat yang diberikan sepanjang tahun 2019.

Suruhanjaya juga merakamkan penghargaan atas segala khidmat setia, baik, cekap dan efisien serta dedikasi yang diberikan oleh pegawai dan kakitangan SPAJ dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor
Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak.,
Kota Iskandar, 79000 Iskandar Puteri
Johor Darul Ta'zim.

Tel: 07-2666422/23

Fax: 07-2909890/91

Web site: <http://spaj.johor.gov.my>

Emel: spaj@johor.gov.my



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak,
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri,
Johor Darul Ta'zim.